

LAPORAN PERBINCANGAN MEJA BULAT PRA BAJET 2022

Bagi menyahut seruan kerajaan di atas, APM sebagai wadah pemikir negara telah menganjurkan satu Sidang Meja Bulat (RTD) Pra-Bajet 2022 bagi membincangkan perkara ini.

Tarikh:

RTD telah diadakan pada 9 September 2022.

Peserta:

RTD ini menampilkan panel enam orang pakar dalam bidang kesihatan, ekonomi, pendidikan, pembangunan sosial, pertahanan dan keselamatan, serta sains, teknologi dan inovasi. Ia turut dihadiri oleh 24 orang profesor dari pelbagai bidang.

Hasil:

Daripada RTD ini, pelbagai isu dan cadangan, serta implikasi bajet telah dikemukakan oleh para panelis dan peserta yang kemudian telah dirumuskan sebagai ‘Saranan untuk Bajet 2022’. Saranan ini kemudiannya telah dihantar kepada YB Menteri Kewangan Malaysia.

AKADEMI PROFESOR MALAYSIA (APM)

15 September 2021

Saranan untuk Bajet 2022 Kementerian Kewangan Malaysia

1. PENDIDIKAN

Sektor pendidikan merupakan sektor yang terpenting dan jumlah bajet yang diberikan kepada sektor ini adalah antara yang terbesar. Berikut adalah isu utama yang mempunyai implikasi terhadap Bajet 2022.

1.1 Kualiti Muat Turun dan Kelajuan Internet

APM melihat isu yang berkait dengan sektor pendidikan kini adalah tentang capaian internet yang melibatkan kualiti dan kelajuan muat turun yang memberikan kesan terutamanya ketika proses Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) dilakukan. Kajian menunjukkan capaian internet dan kelajuan muat turun yang baik hanyalah pada waktu pagi tetapi masih di bawah standard yang minimum. APM menyarankan kerajaan melakukan intervensi segera melalui Bajet 2022 untuk mendapatkan kualiti dan kelajuan muat turun yang terbaik di kawasan bandar dan juga luar bandar.

1.2 Kesihatan Mental di Kalangan Pelajar

APM melihat isu kesihatan mental terutamanya di kalangan remaja dan pelajar ketika pandemik suatu yang serius. Ia memerlukan kawalan dan penasihatahan oleh kaunselor yang terlatih. Kaunselor yang sedia ada dibebani pelbagai tugas termasuk pentadbiran selain lawatan ke rumah-rumah pelajar. Nisbah bilangan kaunselor-jumlah pelajar yang rendah perlu ditingkatkan untuk mengurangkan beban tugas kaunselor yang sedia ada dengan menambah bilangan kaunselor disetiap sekolah serta menempatkan pekerja sosial di sekolah-sekolah dalam usaha membantu pelajar yang bermasalah.

1.3 Pengambilan Nutrisi Seimbang dan Sihat di Kalangan Pelajar

APM memandang serius berhubung masalah pengambilan nutrisi tidak seimbang dikalangan pelajar dan lebih membimbangkan ketika pandemik berlangsung. Pengambilan nutrisi yang seimbang akan membantu pencapaian pelajar dalam pendidikan dan pembelajaran mereka. APM menyarankan kerajaan memberikan kupon makanan kepada pelajar bagi membolehkan mereka mendapat makanan yang bernutrisi, seimbang dan berkhasiat. Inisiatif memberikan makanan ‘ready to eat’ juga digalakkan bagi pelajar memperoleh akses terhadap permakanan sihat.

1.4 Masalah Keciciran

Akibat dari pandemik dan perlaksanaan PKP, sekolah tidak dapat beroperasi. Terdapat keluarga pelajar yang berhadapan dengan masalah kewangan dan mendorong pelajar keluar

Pertubuhan Akademi Profesor Malaysia, d/a
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi.

E-mel: sua@akademiprofesor.org.my Laman Web: <http://www.akademiprofesor.org.my>

bekerja membantu keluarga sehingga tercicir dari proses pembelajaran. Menjadi cabaran untuk pihak sekolah memujuk mereka kembali belajar. Isu keciciran pendidikan juga masih membenggu kehidupan masyarakat minoriti khususnya masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

APM menyarankan agar kerajaan memberikan “insentif pencegahan keciciran” dalam bentuk kewangan kepada pelajar yang terlibat bagi mengurangkan kes keciciran terus berlaku. Pihak KPT juga disaran meraikan pelajar etnik minoriti untuk masuk ke universiti. Ini boleh dilakukan dengan melonggarkan kelayakan masuk ke universiti khusus untuk pelajar di kawasan luar bandar dan pendalamam yang serba kekurangan. Begitu juga bantuan yuran sekolah dan pengajian di universiti untuk pelajar miskin B40 perlu diberikan perhatian dalam Bajet 2022.

1.5 Dana Pembiayaan IPTA

Jumlah dana yang diberikan kepada IPTA hanya mencukupi untuk membayar emolumen pekerja tetap sahaja. Ketika pandemik, IPTA mengalami pengurangan pendapatan daripada punca-punca lain. Ini menjelaskan komitmen IPTA terhadap perbelanjaan-perbelanjaan yang lain. APM menyarankan formula baharu segera dibentuk untuk mengatasi isu kelestarian pendapatan dan perbelanjaan sesebuah IPTA.

1.6 Pembiayaan Pelajaran Pelajar

APM menitikberatkan isu pembiayaan pelajaran pelajar. Pandemik yang berlaku memberikan impak terhadap pasaran kerja termasuk lepasan universiti. Justeru itu, mereka akan menghadapi masalah dalam membayar balik pinjaman pelajaran mereka. APM menyarankan kerajaan melaksanakan konsep “income contingency loan” yang berfungsi sebagai jaminan kepada pelajar dengan mengambilkira tempoh dan jenis pekerjaan yang diperoleh. Pemberi pinjaman perlu mengkaji semula kadar bayaran balik yang bersesuaian agar proses pembayaran balik wang pinjaman lebih efisen.

2. SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI

Berikut adalah cadangan intervensi dan implikasi Bajet 2022 bagi sektor Sains, Teknologi & Inovasi daripada APM.

2.1 Peranti Perhubungan Digital

Senario pandemik yang sedang dialami kini memerlukan aktiviti-aktiviti ekonomi, pendidikan, dan jaringan sosial dijalankan secara digital. Cabaran utama ekonomi digital adalah penglibatan yang lebih inklusif dari segi akses, terutama dari segi capaian internet dan peranti penghubung untuk semua. APM menyarankan pihak kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan menghasilkan komputer dan gajet elektronik berjenama Malaysia dan memberikan insentif galakkan fiskal dan bukan fiskal kepada syarikat berkenaan selama tempoh tertentu.

2.2 Pembangunan Perisian Tempatan

Tidak ternafi kepentingan berinovasi dalam menguruskan perniagaan sama ada melalui penghasilan produk atau perkhidmatan. Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) termasuk MikroSME perlu dibantu dalam menggunakan teknologi terkini serta terjangkau dari segi kos akses. APM menyarankan kerajaan memperluas insentif bagi pembangunan perisian tempatan serta diperkuuh pula oleh penggunaan di sektor awam melalui sistem perolehan kerajaan. Kerajaan juga wajar menyediakan ‘seed funds’ dan/ atau insentif kepada institusi yang menyediakan khidmat meningkatkan produktiviti SME melalui ekonomi digital.

2.3 Guna Sama Peralatan dan Perkongsian Pintar

APM menyarankan pihak kerajaan memberikan perhatian serius kepada keperluan untuk meningkatkan produktiviti tanpa peruntukan yang besar melalui konsep guna sama peralatan dan perkongsian pintar antara agensi kerajaan, institut penyelidikan dan industri. Ini sejajar dengan pemikiran “do big things in small ways”. Pada masa yang sama, kerajaan juga wajar mengukuhkan aktiviti dan menambahbaik ekosistem dalam PublicPrivate Research Network (PPRN).

2.4 Ekosistem Penyelidikan di Institut Penyelidikan Kerajaan

Institut penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan kurang aktif dalam menjalankan penyelidikan gunaan yang berkesan. Ini disebabkan antaranya pegawai penyelidik yang kurang terlatih. Disarankan kerajaan menaiktaraf institut penyelidikan dan pendidikan tinggi sebagai inkubator kepada usahawan muda melalui kerjasama pintar antara institut berkenaan dengan agensi yang bertanggungjawab melahirkan usahawan. Kerajaan wajar menyediakan bajet ‘start-ups’ yang minimal kepada usahawan muda ini kerana kemudahan-kemudahan seperti peralatan telah sedia ada di institut penyelidikan dan pendidikan tinggi. Semua pegawai penyelidik disarankan melanjutkan pengajian pada peringkat PhD dalam tempoh lima tahun dengan insentif yang sewajarnya.

2.5 Ekosistem Penyelidikan di Institusi Perusahaan dan Syarikat GLC/MNC/SME

Aktiviti melibatkan penyelidikan dan inovasi kurang dilakukan Institusi Perusahaan dan Syarikat GLC/ MNC/ SME. Pihak kerajaan disarankan mewujudkan entiti penyelidikan dalam institusi perusahaan dan syarikat GLC/ MNC/ SME melalui skim insentif. Pembentukkan ekosistem penyelidikan di organisasi ini juga boleh disemarakkan dengan pengambilan graduan berkelulusan PhD.

2.6 Optimakan Penggunaan Ruang dan Pembangunan Hub Industri Setempat

Negara mempunyai banyak pusat seperti Urban and Rural Transformation Center (UTC dan RTC), dan pelbagai agensi kerajaan di hampir setiap daerah dan kawasan parlimen yang boleh dimanfaatkannya melalui kerjasama pintar. APM menyarankan agar kerajaan mengupayakan kawasan setempat dengan membangunkan hub industri setempat.

2.7 TVET pemacu ekonomi pembuatan dan pengeluaran, makanan & hospitaliti
TVET adalah elemen pemacu ekonomi pembuatan dan pengeluaran, makanan & hospitaliti (terutamanya SME). APM menyarankan agar kerajaan memastikan gaji minimum yang bersesuaian dengan kelulusan kejuruteraan dan TVET dikaji semula. Kerajaan wajar memperkasa dan mengarusperdanakan elemen kejuruteraan dan TVET serta institut latihan kemahiran dengan peruntukan dana menaiktaraf fasiliti dan kemudahan. Tindakan ini bagi membolehkan TVET menjadi pembekal teknologi kepada sektor pemacu ekonomi seperti pembuatan & pengeluaran, makanan & hospitaliti.

2.8 Inovasi dari Penyelidikan di IPT untuk Pengkomersilan Produk

APM berpendapat terdapat inovasi proses yang telah dihasilkan oleh IPT dan Institut penyelidikan yang kurang atau tidak digunakan. APM menyarankan pihak kerajaan membentuk ekosistem untuk menarik syarikat besar (GLC/MNC) melabur dan membangunkan produk yang telah diinovasikan bagi tujuan pengkomersilan melalui kerjasama antara agensi kerajaan (MTDC, MaGIC, Cradle Fund), IPT, Institut penyelidikan dan Pusat Inkubator.

2.9 Pelaksanaan Serius Pelan Strategi STI

APM berpendapat terdapat beberapa Pelan Strategi yang berkaitan STI seperti AI Roadmap, 10-10 MySTIE, DSTIN tetapi negara kurang serius dalam melaksanakannya. APM menyarankan kerajaan melaksanakan pelan tindakan ini melalui peruntukan yang bersesuaian untuk pencapaian dan pelbagai keberhasilan jangka masa panjang dan pendek.

2.10 Jurang Digital Masyarakat Minoriti

Kerajaan wajar menunjukkan lebih keprihatinan terhadap masyarakat minoriti seperti Orang Asli, pribumi Sabah dan Sarawak terutama dari segi jurang digital dalam penggunaan dan pemilikan ICT. Pusat Internet Komuniti (PIK) perlu diperluaskan dan bina sekitar sekolah dan komuniti. Capaian internet di sekolah luar bandar dan pedalaman amat mendukacitakan. APM menyarankan pihak kerajaan menyalurkan dana RM3 ribu kepada keluarga B40 dan sebahagian M40 untuk mendapatkan kemudahan komputer untuk anak-anak. Terdapat juga keperluan PIK di perkampungan Orang Asli untuk tujuan pendidikan dan sosioekonomi.

3. EKONOMI

Cadangan intervensi dan implikasi Bajet 2022 bagi sektor Ekonomi daripada APM seperti berikut.

3.1 ‘Relief’

APM menyarankan kerajaan memberi tumpuan kepada aspek ‘relief’ melalui pewujudan program ‘social safety-net’. Langkah ini bagi membantu kebajikan pekerja atau masyarakat yang bekerja di sektor tak formal yang rentan akibat krisis makroekonomi. Mereka berhadapan dengan gaji yang tidak terjamin dan ada yang masih menerima upah harian. Dalam hal ini, nasib mereka kurang mendapat pembelaan pihak kerajaan. Program

‘social safety-net’ akan menangani nasib golongan ini secara sistematik (tidak bersifat adhoc).

3.2 Pemulihan

APM menyarankan kerajaan terus mengambil langkah “berbelanja lebih”, yakni mengambil dasar fiskal yang mengembang. Ini bagi memastikan adanya permintaan yang signifikan (substantially large) dalam sistem ekonomi. Jika kerajaan selaku pencetus faktor permintaan terbesar tidak mengambil langkah ini, negara tidak mustahil akan berdepan dengan masalah kemelesetan ekonomi. Permintaan kerajaan terhadap barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam negeri perlu diutamakan. Ini bukan sahaja membantu secara langsung industri berkenaan tetapi turut mencetus kesan pengganda ekonomi yang kuat. Dalam konteks mewujudkan kesan ekonomi yang signifikan, rancangan membantu kanak-kanak sekolah dalam aspek nutrisi dan pemakanan yang seimbang perlu diberikan kepada semua golongan pendapatan, tanpa membezakan status ekonomi baik di luar bandar, maupun di bandar.

3.3 Reform (Pembaharuan) dan Inovasi Dasar

APM berpendapat ‘total reforms’ atau pembaharuan secara menyeluruh dan bersepadu perlu dilaksanakan untuk mencapai kesejahteraan masyarakat yang menyeluruh. Penumpuan perlu diberi kepada bagaimana sesuatu dasar atau agenda pembangunan memberi kesan positif kepada kesejahteraan seluruh masyarakat, bukan kepada persepsi agensi penarafan antarabangsa.

Sebagai contoh, usaha memperluaskan kadar penggunaan tenaga bersih atau tenaga terbaharu (renewable energy) oleh segenap lapisan pengguna perlu didukung oleh sistem insentif dan disinsentif tertentu. Pengimportan bahan api dari arang batu yang relatif murah boleh menjaskankan kadar penggunaan tenaga terbaharu serta perkembangan industri berkenaan. Begitu juga pengeluaran solar panel tempatan seharusnya turut memberi manfaat (dari segi kos) kepada pengguna tempatan, bukan sekadar meningkatkan prestasi eksport produk berkenaan.

Kewangan Islam berpotensi dikembangkan melalui ekosistem perundangan dan tadbirurus wakaf yang kondusif. Berbeza dengan pendanaan dari sistem perbankan, pendekatan wakaf memfokus kepada membangun ekonomi komuniti yang mandiri dan sejahtera, jauh dari matlamat memaksimumkan pulangan kepada pemegang taruh. Namun ini memerlukan penglibatan dan penyelarasannya secara bersepadu dan menyeluruh antara kerajaan disemua peringkat (persekutuan dan negeri) serta masyarakat.

Agenda pembaharuan harus merangkum juga perspektif negara mengenai peranan dan kepentingan pelaburan asing langsung. Selama ini pelaburan asing langsung dilihat penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Pengalaman beberapa dekad terakhir menunjukkan negara wajar memberi penumpuan kepada pelaburan asing langsung yang berkualiti, yakni pelaburan yang boleh dihubungkan dengan rantai industri domestik serta pembangunan bakat tempatan termasuk R&D.

Begitu juga paradigma pembangunan ekonomi harus beralih kepada matlamat “menumbuhkan kesejahteraan sosial” (growing wellbeing), bukan menumbuhkan ekonomi yang diukur oleh kayu-ukur KDNK (GDP) sebagaimana orientasi dasar makro Malaysia di era 80an dan 90an. Justeru, APM menyarankan kerajaan membangun dan melaksana indikator atau kayu-ukur ‘beyond GDP’ yang mampu memperlihatkan secara indikatif bahawa negara sedang berada di atas laluan ekonomi yang membawa kepada kesejahteraan sosial yang lestari. Sebagai catatan, ukuran GDP tidak berupaya memberi sebarang petunjuk mengenai kelestarian proses-proses ekonomi kerana ia memberi tumpuan kepada pengukuran nilai output ekonomi sahaja.

Sejajar dengan usaha reformasi dasar dan tadbir urus ke arah ekonomi berdaya tahan, dasar perolehan kerajaan (Government Procurement Policy) juga perlu dihubungkan dengan usaha dan matlamat untuk meningkatkan “home grown technology and products”, dilihat dari segi nilai tambah (nilai pemanfaatan sumber manusia dan input perantara).

3.4 Kemiskinan Masyarakat Minoriti

Isu kemiskinan bukan perkara baharu dalam kehidupan masyarakat minoriti. Sungguhpun banyak inisiatif yang telah dilaksanakan pihak Kerajaan, namun kehidupan mereka masih dihimpit dengan kemiskinan. APM menyarankan agar kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Luar Bandar (agensi JAKOA) dan Kementerian Perpaduan Negara (agensi MITRA) memberi tumpuan kepada masyarakat minoriti melalui on ‘job training’, ‘reskilling’ serta bantuan dana keusahawanan. Selain itu, pemberian baucer makanan bulanan kepada keluarga B40 tertentu juga boleh dipertimbangkan.

3.5 Ketahanan Fiskal dan Sistem Percukaian Pintar

Dasar fiskal yang mengembang adalah satu keperluan dalam situasi ekonomi pandemik ini. Namun langkah-langkah konsolidasi fiskal wajar diambil kerajaan dalam tempoh dekat dan sederhana. Lebih-lebih lagi apabila kerajaan berhasrat melancarkan secara meluas sekim ‘social safety-net’ dan pelbagai program pembangunan sosial yang memerlukan upaya fiskal secukupnya. Justeru, kerajaan disarankan untuk memulakan perancangan bagi mengembalikan pelaksanaan sistem percukaian pintar (GST atau VAT) dengan mekanisma yang lebih baik. Selain itu struktur percukaian progresif, serta cukai ‘capital gains’ dan ‘inheritance tax’ wajar dipertimbangkan untuk mengatasi jurang agihan kekayaan dalam masyarakat selain meningkatkan ketahanan fiskal negara.

4. BIDANG PERUBATAN DAN KESIHATAN

4.1 Pendidikan Kesihatan

Isu paling utama ialah pendidikan kesihatan untuk pencegahan penyakit. Aspek ini sering tidak mendapat perhatian secukupnya. Antara langkah-langkah yang wajar diperhatikan kerajaan termasuklah;

- i) Memberi keutamaan bajet untuk memperkasakan masyarakat bagi mengamal cara hidup sihat untuk mencegah dari penyakit kronik dan penyakit berjangkit seperti COVID-19.
- ii) Memperkenalkan “sin taxes” untuk “soft drinks” dan gula putih sebaliknya mengurangkan cukai untuk gula perang, gula merah, madu mentah/organic dan molasses.
- iii) Memberi subsidi atau kupon makanan berkhasiat untuk pelajar sekolah tanpa mengira pendapatan keluarga. Langkah ini akan turut merangsang proses pemulihan ekonomi, sejajar dengan pemikiran kerajaan sebagai sumber permintaan dan wajar berbelanja “lebih”
- iv) Mengalakkan aktiviti bersenam samaada melalui pengurangan cukai peralatan gimnasium, pusat latihan sukan, dan pemberian pelepasan pembelian peralatan sukan/senaman.
- v) Dalam konteks pencegahan COVID-19 melalui nutrisi yang baik, kerajaan disarankan mengurangkan cukai jualan/import untuk supplement seperti vitamin, minerals, quecetin, melatonin, pro/pre biotics, anti-oxidants, herba, dan organic teas. Ini memberi insentif kepada masyarakat yang ingin meningkatkan sistem imun melalui pembelian produk tersebut.

4.2 Kesihatan Mental

Sedia diketahui masaalah kesihatan mental telah meningkat dengan ketara di Malaysia sejak munculnya wabak COVID-19 tahun lalu. Walau bagaimanapun, bilangan psikiatri berdaftar pada 2018 hanya berjumlah 410 orang dengan nisbah 1.27 bagi setiap 100,000 penduduk. Kebanyakan mereka tertumpu di Kuala Lumpur (5.24: 100,000) sementara bilangan di Sabah dan Kedah adalah sangat kurang iaitu masing-masing 0.54 dan 0.55 bagi 100,000 penduduk. Bilangan kaunselor berdaftar pula berjumlah 8,039 orang pada 2018 iaitu satu kaunselor untuk 4030 penduduk. Cadangan kerajaan untuk mengambil 11,000 kaunselor pada tahun 2020 masih belum tercapai. Antara cadangan APM kepada kerajaan untuk mengatasi masalah ini ialah;

- i) Penambahan bajet untuk melatih lebih ramai kaunselor dan pakar psikiatri.
- ii) Menyediakan lebih banyak perkhidmatan kesihatan mental dan akses ke perawatan untuk barisan depan, anak-anak yang mengalami pengasingan yang berpanjangan, dan orang dewasa yang mengalami kehilangan pekerjaan, selain dari mereka yang memang sudah berisiko mengalami masalah kesihatan mental.

4.3 Pembangunan Vaksin Tempatan

Kerjasama untuk membangunkan vaksin tempatan memerlukan kerjasama bersepadu antara kerajaan, industri dan universiti. Peruntukan secukupnya diperlukan bagi membiayai kemudahan penyelidikan, tenaga kerja, piawaian dan ujian klinikal.

4.4 Doktor Kontrak

Perihal keluhan doktor kontrak mengenai status pekerjaan dan pembangunan kerjaya. Isu pembangunan modal insan ini memerlukan kerajaan memberikan insentif kepada “frontliners”, yang bertungkus lumus merawat pesakit wabak COVID-19. Mereka wajar

diberikan jawatan yang tetap, insentif yang sesuai serta peluang untuk menjalani latihan kepakaran yang masih kurang di Malaysia.

4.5 Jurang dalam Sistem Penjagaan Kesihatan

Jurang dalam sistem penjagaan kesihatan melibatkan komuniti terpinggir seperti pekerja asing (terutama yang tidak berdaftar), komuniti asnaf yang terpencil di bandar dan luar bandar, masyarakat yang tidak mempunyai akses yang konsisten kepada telefon pintar atau komputer, orang asli dan pribumi yang terasing, serta masyarakat yang terpinggir dari segi pendidikan. Mereka tidak mempunyai kemahiran teknologi untuk melayari internet bagi mendapatkan infomasi melalui MySejahtera dan lain-lain.

Insentif subsidi separa boleh diberikan kepada golongan terpinggir ini bagi pembelian peranti bagi tujuan akses kepada internet. Bagi membolehkan bantuan dan maklumat sampai kepada masyarakat terpinggir, pembangunan infrastruktur perlu dipertingkatkan terutamanya di kawasan luar bandar dan negeri Sabah dan Sarawak. Peruntukan juga diperlukan untuk membangunkan sistem kesihatan digital yang merangkum sistem rekod kesihatan elektronik mudah alih, sistem maklumat hospital, kerangka telemedicine dan latihan dalam penggunaan sistem digital.

4.6 Pemindahan Pesakit bukan COVID-19 ke Hospital Swasta

Pandemik COVID-19 memberikan tekanan yang besar ke atas sistem kesihatan awam. Hal ini menyebabkan pesakit bukan COVID-19 dipindahkan ke hospital swasta yang berkos tinggi. Dalam keadaan di mana kerajaan kurang berkemampuan untuk memberikan subsidi kepada pembekal kesihatan berkenaan, potongan cukai boleh dipertimbangkan kepada hospital dan klinik swasta yang terlibat dalam rawatan pesakit COVID-19 serta usaha mitigasi dan pencegahan COVID-19. Potongan cukai juga wajar diberikan kepada barisan hadapan kakitangan kesihatan tetap dan sementara.

4.7 Peruntukan Bajet Kesihatan yang Rendah bagi Negara Berpendapatan Menengah Tinggi

Sejak 10 tahun yang lalu, peruntukan kesihatan Malaysia adalah sekitar 2.2 peratus KDNK. Data Bank Dunia menunjukkan peratusan ini adalah lebih rendah dari purata 3.84 peratus untuk kumpulan negara-negara berpendapatan menengah tinggi. Julat bagi kumpulan negara-negara ini adalah di antara 15.2 peratus tertinggi ke 0.59 peratus terendah pada 2018. Kerajaan dicadangkan untuk meningkatkan peruntukan kesihatan kepada 4 peratus KDNK bagi meningkatkan sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan awam serta membolehkan perkhidmatan kesihatan negara mendekati mutu dan piawaian perkhidmatan kesihatan antarabangsa.

Dari segi pembiayaan, kerajaan wajar membangun kerjasama dengan pihak swasta secara bersepada dalam semua perkhidmatan penjagaan kesihatan. Mekanisma pendanaan masyarakat (crowd funding) termasuk sumbangan/derma dana dari korporat besar boleh dipertimbangkan dengan insentif potongan cukai.

Dana tambahan sewajarnya dipertimbangkan untuk meningkatkan koordinasi dan penggunaan analisis data serta memperkuuh sistem kesihatan awam dan kesiapsiagaan epidemik. Tambahan ini merangkum juga dana bagi pembelian vaksin, peralatan pelindung diri, bahan habis pakai dan lain-lain.

5. BIDANG PERTANIAN DAN SEKURITI MAKANAN

5.1 Pengguna Miskin dan Jaminan Bekalan yang Tidak Terjamin

Pertumbuhan sektor makanan kurang memberangsangkan sehingga negara mengalami masalah ketidakjaminan bekalan makanan (food insecurity) di bawah pandemik.

Polisi yang memfokus kepada pembangunan komoditi industri (kelapa sawit, getah dan koko) sebagai warisan dari model pertanian era kolonial British nyata tidak lestari. Pada tahun 2020, sektor koko hampir pupus dengan hanya keluasan kurang daripada 20 ribu hektar berbanding dengan puncak keluasan 401 ribu ha pada tahun 1989. Keluasan getah telah menurun dari 2.2 juta dalam 1960an kepada 880 ribu ka (2020). Keluasan kelapa sawit mencecah 5.9 juta ha pada 2020 tetapi akan mencapai had siling 6.5 juta ha pada tahun 2023. Nyata zaman kegemilangan komoditi industri akan pudar menepati hukum kitaran komoditi.

Sektor makanan telah terpinggir sekian lama. Defisit perdagangan makanan kian membesar, daripada RM1billion (1990) kepada RM55 bilion (2019). Kecuali daging ayam dan khinzir dan telur, tahap sara diri (SSL) bagi komoditi makanan di bawah 100 peratus dan tahapnya terus menurun.

Jaminan bekalan makanan adalah rapuh atau tidak berdaya tahan di bawah pandemik. Ini kerana walaupun makanan mencukupi (disokong oleh import), sebahagian pengguna miskin (B40) hilang pekerjaan dan pendapatan. Hampir 760 ribu pengangguran berlaku dan hampir 20 peratus golongan M40 tergelincir masuk ke dalam B40. Gerakan “Bendera putih” dan kekerapan barisan panjang pengguna yang menerima makanan percuma menunjukkan masalah akses pasaran. Lantas kualiti pemakanan juga terjejas kerana pengguna miskin tidak mampu untuk membeli protin seperti daging dan sayur dan buahbuahan segar. UNICEF mendapati penghuni rumah pangsa bandar berbelanja lebih ke atas beras, telur dan mi segera. Mereka tidak mampu untuk membeli ikan dan daging untuk keluarga mereka. UNICEF juga mencatatkan masalah kanak-kanak bantut.

Cadangan Bajet 2022:

Pemulihan ekonomi Malaysia mungkin mengambil masa satu-dua tahun. Golongan B40 masih tidak mampu untuk menyara keluarga terutama dari segi menyediakan makanan dan kos pendidikan. Maka APM mencadangkan;

- i) Peruntukan kepada pembangunan sektor makanan ditingkatkan
- ii) Kupon makanan diberi kepada pengguna yang miskin tegar, desa dan bandar, terpinggir dan pendalaman. Kupon ini akan ditarik balik apabila ekonomi mula pulih. Bagi memastikan kumpulan sasaran dikenalpasti serta mekanisma penyampaian yang berkesan, pangkalan data yang lengkap perlu dibina dan bayaran dibuat secara terus melalui online.

- iii) Subsidi input dalam bentuk kupon sementara untuk menangani masalah kekurangan buruh dan kos pengeluaran yang meningkat. Bayaran kupon subsidi dibuat secara terus (online) kepada pengeluar sayur, ayam pedaging, khinzir, lembu, susu, sayur-sayuran dan buah-buahan terpilih
- iv) Inisiatif untuk menggalakkan pengeluar untuk menggunakan perniagaan online atau e-commerce untuk memastikan hasil jualan sampai kepada pengguna. Sebagai contoh, lagi banyak kuantiti yang dijual melalui online, lagi tinggi nilai kupon subsidi input.
- v) Penyediakan makanan percuma kepada kanak-kanak pra-sekolah dan rendah yang melibatkan petani tempatan, guru, ibu bapa dan agensi tempatan. Iaitu tanggung jawab sekuriti makanan dipikul oleh semua anggota komuniti (daripada pemimpin kepada ibu bapa dan petaani).

Melalui usaha ini antara faedah yang diperolehi ialah:

- i) Makanan sihat dan berkualiti kepada kanak-kanak sekolah
- ii) Pengeluar tempatan akan berkembang
- iii) Semangat kekitaan dalam komuniti
- iv) Keluarga miskin dibantu

Semua usaha di atas memerlukan pangkalan data yang lengkap dan terkini.

5.2 Sektor padi

Agihan subsidi input pengeluaran padi (yang telah berusia 5 dekad) dan subsidi harga (empat dekad) memerlukan perubahan pendekatan untuk membolehkan petani membuat keputusan yang lebih cekap dan bijak untuk sawah mereka. Sistem semasa yang tidak berubah dan bertahan begitu lama tidak memberi ruang kepada petani untuk membuat keputusan yang terbaik untuk sawah mereka. Ini kerana, semua keputusan seperti kuantiti dan kualiti baja, dan tarikh penyampaian baja adalah dalam tangan NAFAS dan PPK. Antara masalah yang paling ketara adalah (i) satu formula baja bagi semua jenis tanah (sejak 1970an) dan (ii) Rekod NAFAS menunjukkan kelewatan baja antara 20-220 hari menyebabkan penanaman tidak selari dengan jadual pengairan. Masalah ini menyebabkan hasil tidak mencapai tahap yang optimum.

Semenjak 1970an hingga kini, sektor padi adalah sektor yang terlindung dari pasaran dunia untuk mencapai tiga objektif ini (i) tahap sara diri dalam beras (ii) harga yang tinggi kepada pengeluar dan (iii) harga yang stabil kepada pengguna.

Untuk mencapai objektif (i) kerajaan telah menyediakan subsidi input (semenjak 1970) dan output (semenjak 1980) kepada petani. Mulai tahun 2008, subsidi kepada petani telah bertambah 3 atau lebih kali ganda daripada purata RM500 juta setahun. Sebagai contoh pada tahun 2021, nilai subsidi mencecah RM1.5bilion. Namun, purata hasil padi telah menurun daripada 3.9 tan/ha pada tahun 2016 kepada 3.4 tan/ha pada tahun 2019. Kawasan Jelapang padi menunjukkan tren yang sama iaitu menurun daripada 4.9 tan/ha kepada 4.3 tan/ha. Pengeluaran juga menurun kerana keluasan turut berkurangan. Nyata, subsidi input dan output gagal meningkatkan produktiviti dan pengeluaran. Antara faktor yang menyebabkan hasil yang rendah adalah masalah penyelarasian antara kuantiti, kualiti baja, kualiti pembekalan khidmat ladang, dan penjadualan pengairan.

Cadangan Bajet 2022;

- i) Subsidi semasa digantikan dengan kupon yang diagih secara terus kepada petani untuk membolehkan petani membuat keputusan yang lebih cekap terutama dari segi kuantiti, kualiti baja dan masa/waktu yang menepati jadual pengairan. Ini dijangka akan mendayaupayakan petani untuk membuat keputusan yang bijak untuk sawah mereka, lantas meningkatkan hasil dan pendapatan.
- ii) Pemprofilan tanah sawah dipercepatkan dengan membenarkan syarikat swasta dan pengusaha muda. Buat masa ini pemprofilan dilaksanakan oleh kementerian dan mengikut sumber yang boleh dipercayai, profil Pulau Pinang mengambil masa dua tahun untuk siap. Kelewatan ini akan menjasaskan pengeluaran padi. Bajet diperlukan untuk insentif kepada pengusaha dan swasta.
- iii) Pemberian kredit pengeluaran kepada kumpulan (koperasi dan pertubuhan peladang) untuk menggalakkan kerjasama dan pertanggungjawapan antara ahli untuk menegakkan prestasi organisasi mereka. Nota: kaedah ini dilaksanakan di Thailand untuk menggalakan kesepakatan dan saling bertanggungjawab di kalangan anggota koperasi.

5.3 Peranan Institusi Pertubuhan Peladang dibawah kendalian LPP

Rangkaian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebanyak 279 buah, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) 14 buah, dan sebuah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) terletak dibawah kawalselia Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sejak 1973. Institusi-institusi Pertubuhan Peladang ini ditubuhkan melalui Akta Parliment pada tahun 1973, bertujuan meningkatkan taraf ekonomi dan sosial, meninggikan hasil dan pendapatan ahli, membaiki cara hidup ahli-ahli petani kecil serta mewujudkan masyarakat peladang yang progresif dan berdikari.

Pergerakan pertubuhan-pertubuhan peladang yang berlandaskan prinsip koperasi ini telah mencapai usia 50 tahun. Walau bagaimanapun pengoperasian Pertubuhan Peladang secara umum dilihat masih mengikut *modus operandi* di era tahun-tahun 1970an dan 1980an. Kini di era ‘internet of things’, dan lebih-lebih lagi tuntutan baharu mengenai peranan pertanian makanan, serta isu yang berbangkit mengenai keberkesanan pertubuhan peladang dalam mewujudkan masyarakat peladang yang progresif dan berinovasi, terdapat keperluan mendesak untuk kerajaan mengkaji semula struktur, fungsi, peraturan-peraturan, dan keberkesanan institusi-institusi pertubuhan peladang ini. Ini bagi memastikan institusi petani ini dapat bergerak secara dinamik dan efisen, sejajar dengan perkembangan-perkembangan dan dinamika semasa khususnya yang berkait dengan fungsi, struktur dan tadbir urus terbaik di era ekonomi digital.

APM ingin menyarankan kerajaan melalui Bajet 2022 memberi perhatian dan peruntukan khas bagi kajian penyemakan struktur, peranan dan prestasi LPP serta semua institusi dibawah kendaliannya. Ada kewajaran kajian ini merangkum semua agensi/badan berkanun lain yang berkaitan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, khususnya FAMA, LKIM, dan BERNAS.

6. BIDANG PEMBANGUNAN SOSIAL

6.1 Membantu Rakyat Mengatasi Kepayahan dan Kelaparan

Keadaan terburuk di mana rakyat berada dalam kepayahan dan kelaparan mungkin reda dalam batas tertentu kerana intervensi kerajaan tetapi masalah pokok belum selesai. Apa yang kelihatan reda di permukaan mungkin menutupi keadaan serius di arus bawah. Untuk bergerak ke depan, persoalan pokok yang perlu ditekankan adalah kelestarian (sustainability). Kita perlu bersedia untuk menganggap COVID-19 dari suatu pandemik kepada endemik iaitu risiko yang berpanjangan.

Bagi mengatasi isu rakyat yang payah dan lapar, langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan dalam Bajet 2022. Pertama, mengenalpasti kelompok sasaran dan mengelakkan keciciran dan pertindihan. Langkah ini memerlukan data lengkap dan terkini mengenai bilangan rakyat yang terjejas iaitu golongan miskin ketara, kehilangan kerja, fakir yang tidak nampak; gelandangan; orang kurang upaya; bandar-luar bandar dan lain-lain. Kedua, pemberian beberapa bentuk bantuan iaitu i) bantuan terus dan segera (one-off) serta ii) bantuan dan pengupayaan. Langkah-langkah pengupayaan yang sesuai dengan kelompok sasaran perlu ada seperti “urban farming” bagi gelandangan iaitu suatu projek DBKL dengan NGO untuk gelandangan. Ketiga, penyelaras dengan pelbagai pihak termasuklah Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri, PBT, Zakat, NGO, komuniti setempat, masjid/surau, institusi agama lain dan lain-lain.

6.2 Menjaga Kepentingan Kanak-kanak Remaja dan Belia

Terdapat dua aspek dalam isu penjagaan kepentingan kanak-kanak remaja dan belia. Pertama, kanak-kanak remaja dan belia dalam keluarga dan kejiranan. Tenaga mereka perlu digembleng ke arah produktif dan kreatif, serta interaksi sosial yang sihat. Hal ini memerlukan pembentukan pusat-pusat aktiviti rekreasi dalam taman perumahan, kawasan beriadah dan kelab atau persatuan yang sesuai. Justeru, dana perlu diperuntukkan bagi mendirikan kemudahan baharu atau menambahbaik atau menyelenggara yang sedia ada. Langkah ini memerlukan kerjasama dengan PBT, JKKK, Kelab Belia dan lain-lain.

Kedua, kanak-kanak, remaja dan belia malang atau terbiar. Sebahagian daripada kanak-kanak ini terbiar kerana lahir daripada pasangan tanpa nikah; pembuangan bayi; ibu bapa miskin, uzur, tua, meninggal, dan lain-lain. Data yang tidak lengkap sebelum pandemik menunjukkan bahawa 60,000 lebih kanak-kanak dan remaja (usia 5 hingga 15 tahun) berada dalam rumah jagaan orang perseorangan seperti rumah anak-anak yatim dan lain-lain. Sementara itu, 11,000 lebih kanak-kanak dan remaja berada dalam institusi seliaan kerajaan. Justeru, kerajaan mesti mengambil berat dan prihatin terhadap nasib kanak-kanak malang ini termasuklah mengiktiraf hak-hak mereka. Kerajaan juga perlu memperuntukkan dana yang mencukupi bagi rumah-rumah penjagaan tersebut baik kerajaan maupun perseorangan.

6.3 Mengurus Penuaan Masyarakat dan Warga Emas

Malaysia dengan pantas menjadi sebuah “aging nation” sebelum ia menjadi maju dan kaya. Hal ini berbeza dengan negara-negara Barat yang telah menjadi maju dan kaya terlebih

dahulu sebelum rakyat mereka mula mengalami penuaan. Pada tahun 2019, warga emas berusia 65 tahun ke atas berjumlah 2.293 juta atau tujuh peratus penduduk. Nisbah warga emas dengan penduduk bawah 65 tahun adalah 1:9 pada 2020 dan dijangka meningkat kepada 1:7 pada 2030. Data juga menganggarkan bahawa jangka hayat penduduk meningkat kepada 74.9 tahun di mana jangka hayat wanita adalah lebih tinggi iaitu 77.6 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai 15 hingga 18 tahun selepas bersara (60 tahun) untuk meneruskan kehidupan. Justeru, proses penuaan yang berlaku mestilah bersifat produktif, sihat, rohaniah dan lain-lain.

Dari segi program untuk warga emas, bilangan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) sekarang berjumlah 285 di seluruh negara dengan peruntukan dinaikkan dari RM33,000 kepada RM50,000 setiap tahun mulai tahun 2021. Dari segi implikasi bajet, perlu diperhatikan bahawa sesetengah PAWE adalah lebih besar dan aktif berbanding yang lain. Peruntukan tambahan perlu dipertimbangkan untuk projek khas PAWE seperti pengajuran program kerjasama antara agama dan kaum, keahlian yang lebih ramai, serta kegiatan yang menyumbang kepada kesejahteraan warga emas.

Dari segi penjagaan warga emas, ramai di antara mereka tinggal berseorangan atau bersama pasangan yang juga berusia sementara sebahagian lain tinggal bersama anak-anak, di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Penjagaan Swasta. Dalam aspek ini, kerajaan perlu i) memberikan elaun yang memadai kepada volunteer care-giver, ii) memberikan kemudahan tambahan kepada anak-anak untuk menjaga orang tua, iii) memperuntukkan dana untuk penyelenggaraan kemudahan di Rumah Seri Kenangan, dan iv) membantu meringankan kos penjagaan warga emas di Rumah Penjagaan Swasta.

Dalam usaha menambahbaik mekanisme penjagaan warga emas, terdapat konsep yang boleh kita terokai iaitu “time-banking” (Fureai Kippu) yang diamalkan di Jepun sejak 1973. Persoalannya, apakah Malaysia sudah menerima dan melaksanakan time banking dengan pengubahsuaian tertentu? Dalam aspek ini, peruntukan adalah perlu untuk membuat kajian tentang sistem penjagaan warga emas dengan penekanan usul kepada kelestarian.

6.4 Majlis Pemulihan Negara dan Pelan Tindakan Kebangsaan Pembangunan Sosial

Antara isu lain yang mendesak ialah menangani cabaran keluarga dalam krisis dan membangun institusi keluarga yang berdaya tahan. Data menunjukkan bahawa terdapat 4.8 juta isirumah pada 2000, 6.35 juta (2010) dan 8 juta (2019). Berdasarkan Banci Penduduk 2010 DOSM, isirumah keluarga asas membentuk 62.8 peratus (65.4 peratus, tahun 2000), diikuti isirumah keluarga luas 20.5 peratus (20.3 peratus, tahun 2000), isirumah satu orang 8.3 peratus (7.8 peratus, tahun 2000), isirumah tidak bersaudara 5.2 peratus (3.5 peratus, tahun 2000), dan isirumah keluarga bersaudara lain 3.3 peratus (3.6 peratus, tahun 2000). Dari segi dasar dan perspektif mengenai keluarga, kerajaan telah melancarkan i) Dasar Keluarga Negara pada 2010 yang menekankan bahawa semua program harus dilihat dari perspektif keluarga, ii) Deklarasi “Keluarga Malaysia” pada November 2019 sebagai agenda nasional di mana institusi keluarga disifatkan sebagai asas pembentukan negara sejahtera, dan iii) konsep Keluarga Malaysia yang diisyiharkan oleh Perdana Menteri Kesembilan pada 16 Ogos 2021 yang menekankan kebersamaan, harmoni dan kepelbagai tetapi masih belum ada pengisian.

Terdapat beberapa cabaran terhadap institusi keluarga. Pertama, konflik dan keganasan rumah tangga meningkat lebih-lebih lagi pada masa pandemik. Isteri dan anak-anak sering menjadi mangsa. Pada tahun 2017, 83 peratus tindakan penganiayaan terhadap wanita dalam rumah tangga adalah keganasan fizikal. Kedua, penurunan bilangan perkahwinan dan perceraian yang meningkat khasnya pada masa pandemik. Kes perceraian ini berpunca daripada kehilangan kerja, masalah ekonomi dan kewangan, keganasan pasangan dan lain-lain. Perceraian tertinggi adalah dalam kalangan keluarga Islam di Selangor dan Johor. Ketiga, pertambahan bilangan ibu tunggal yang kini berjumlah 235,240 atau 1.7 peratus jumlah penduduk. Keempat, ‘bom jangka sosial’ yang bila-bila masa boleh meledak iaitu memburuknya kesihatan mental dalam kalangan ahli keluarga dan masyarakat Malaysia khasnya pada masa pandemik. Survei Kebangsaan Mengenai Kesihatan dan Morbiditi 2019 menunjukkan hampir setengah juta penduduk Malaysia mengalami gejala kemurungan. Bahkan para pakar meramalkan pada tahun 2020, masalah penyakit mental akan menduduki tempat kedua selepas penyakit jantung dalam kalangan penduduk negara ini. Masalah kesihatan mental ini terdapat dalam kalangan orang dewasa dan lebih-lebih lagi dalam kalangan remaja. Menurut Survei Kebangsaan Kesihatan Mental, dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah berusia 13-17 tahun pada tahun 2017, sebanyak 10.0% mempunyai niat bunuh diri, 7.3% merancang bunuh diri, dan 6.9% mencuba bunuh diri. Angka-angka ini meningkat berbanding tahun 2012 yang mencatat masing-masing 7.9% (niat bunuh diri), 6.8% (merancang bunuh diri) dan 6.4% (mencuba bunuh diri). Peratusan ini paling tinggi di kalangan pelajar Tingkatan 1 dan pelajar perempuan.

Tempoh pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan pada 2021-2022 telah memburukkan lagi keadaan. Kes kemurungan berterusan dan semakin serius, manakala kes bunuh diri pula meningkat pesat. Dalam lima bulan pertama 2021, terdapat 468 kes bunuh diri yakni purata tiga kes sehari berbanding 631 pada 2020 dan 609 pada 2019, iaitu purata dua kes sehari. Merosotnya kesihatan mental dengan bertambahnya kes kemurungan, tindakan ‘mengamuk’ kerana hilangan kawalan diri, dan kes bunuh diri ini boleh dianggap sebagai ‘bom jangka sosial’ yang pada bila-bila masa boleh meledak sekiranya intervensi yang cepat, tepat dan berkesan tidak dilakukan.

Menghadapi keadaan serius ini, isyarat yang tepat dari atas atau “right tone from the top” adalah sangat perlu. Kita perlukan perubahan set minda para pemimpin, pembuat dasar, para pelaksana dan masyarakat umum terhadap isu keganasan dan penderaan dalam rumah tangga serta masalah kemurungan dan bunuh diri dengan menganggapnya masalah masyarakat dan negara, serta perlu ditangani sebagai agenda nasional yang mendesak. Kita harus bertindak pantas, tepat dan bijaksana sebelum keadaan menjadi lebih parah dan terlambat. Undang-undang lapuk yang menjadikan tindakan bunuh diri satu jenayah perlu segera diubah.

Bagi mengatasi pelbagai masalah di atas serta masalah-masalah pembangunan sosial yang lain, adalah dicadangkan Majlis Pemulihan Negara (MPN) mengambil kira krasis keluarga dan memburuknya kesihatan mental beserta persoalan pembangunan sosial yang lain seperti kehidupan warga emas serta kanak-kanak remaja dan belia yang dinyatakan di atas sebagai satu subset dalam rangka kerja Pelan Pemulihan Negara (PPN) di bawah MPN. Susulan itu, MPN perlu menggubal Pelan Tindakan Kebangsaan Pembangunan Sosial untuk menangani semua masalah pembangunan sosial. Sebagai tindakan segera, satu Pasukan Petugas MPN perlu dibentuk untuk mengkaji dan menilai keseriusan masalah ini khususnya konflik dan

keganasan rumahtangga serta memburuknya kesihatan mental dari segi kesan jangka pendek, sederhana dan panjang, serta memperakarkan cadangancadangan yang sesuai.

Berbuat demikian menunjukkan keseriusan iltizam politik pimpinan atasan untuk memastikan pembangunan sosial, khususnya kesejahteraan keluarga dan masyarakat ditangani selaras dengan Dasar Keluarga Kebangsaan, Deklarasi Keluarga Malaysia dan Konsep Keluarga Malaysia. Justeru, Bajet 2022 perlu mempunyai peruntukan sewajarnya bagi gerak kerja untuk Pasukan Petugas Kajian dan perakuan menangani pembangunan sosial; peruntukan yang memadai untuk menyediakan sumber manusia seperti pakar sosiologi dan antropologi, pakar psikologi, psikiatri, kaunselor, pekerja sosial, dan lainlain; di samping perlunya prasarana seperti peralatan, teknologi, dan sebagainya.

Sebagai kesimpulan, cadangan Pelan Tindakan Kebangsaan Pembangunan Sosial (PTKPM) amat perlu agar usaha pembangunan sosial bersifat lestari dan holistik, tidak sepotong-sepotong. PTKPM bukan semata-mata untuk Bajet 2022 tetapi satu tonggak dasar yang penting dan strategik dalam Pelan Pemulihan Negara yang harus diintegrasikan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

6.5 Aspek Budaya

Masyarakat minoriti juga memiliki budaya tersendiri. Kefahaman budaya pelbagai etnik adalah penting untuk membina kesepaduan dan ikatan sosial yang baik dalam masyarakat Malaysia. Sejauhmana dasar tersebut mempromosi budaya etnik masyarakat minoriti agar mereka merasa kebersamaan untuk menjayakan ‘Keluarga Malaysia’. Kepelbagaian budaya adalah kekuatan kita maka semua budaya masyarakat diraikan.

Cadangan:

- i) Pendidikan silang budaya boleh menjadi satu wadah untuk masyarakat mengenali antara satu lain dengan lebih dekat. Dasar Perpaduan Negara yang menekankan ‘Perpaduan dalam Kepelbagaian’ perlu difahami kerana ia bersifat inklusif.
- ii) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya perlu memberikan suntikan dana untuk masyarakat minoriti bertujuan mengekal dan mempromosi keunikan identiti budaya mereka.
- iii) Pelancongan digital juga boleh membantu mempromosi budaya etnik minoriti. Pendokumentasian budaya ini penting agar orang boleh melancong secara digital dan akan beri pendapatan kepada masyarakat minoriti seperti di Melaka.
- iv) Terjemahkan konsep ‘Keluarga Malaysia’ dengan memperuntukkan dana bagi memperkuuhkan kesepaduan sosial terutama di sekolah melalui penganjuran acara multi-budaya seperti sukan, kebudayaan dan kegiatan ko-kurikulum multi-etnik; program ‘kefasihan multi-bahasa’ untuk kanak-kanak sekolah – penguasaan minimum tiga bahasa iaitu BM, BI dan Mandarin/Tamil; serta ‘program multi-etnik komuniti’.

7. BIDANG PERTAHANAN DAN KESELAMATAN

7.1 Bajet Pertahanan yang Lebih Rendah Berbanding Negara-negara Jiran

Peruntukan untuk bajet pertahanan Malaysia agak rendah iaitu RM16.23 bilion atau satu peratus daripada KDNK. Namun, peruntukan bajet pertahanan untuk negara-negara persisir (littoral) ialah dua hingga tiga peratus KDNK. Peruntukan kerajaan untuk bajet pertahanan agak ironi kerana sumber-sumber ekonomi yang diperoleh daripada Laut China Selatan ini menyumbang sebanyak 30 peratus daripada KDNK Malaysia. Tambahan, Malaysia menghadapi isu-isu keselamatan ekonomi di Zon Ekonomi Ekslusif (EEZ) seperti pertikaian tuntutan, pencerobohan ruang udara, kehadiran aset ketenteraan asing di EEZ dan aktiviti eksplorasi minyak terbesar di Laut China Selatan. Perlu disedari bahawa pasukan pertahanan adalah alat untuk diplomasi. Peruntukan satu peratus daripada KDNK ini mencerminkan penekanan negara kepada keselamatan ekonomi berbanding negaranegara persisir lain.

7.2 Konsep Bajet yang Memihak kepada Emolumen berbanding Operasi

Bajet pertahanan pada 1980an adalah di antara RM1.6 bilion sehingga RM2 bilion. Daripada jumlah bajet ini, 40 peratus diperuntukkan untuk emolumen sementara 60 peratus diperuntukkan untuk operasi. Peruntukan operasi ini digunakan untuk membiayai i) sistem-sistem berteknologi rendah (first generation technology) yang dioperasikan oleh Pasukan Tentera Malaysia (MAF), operasi-operasi intensif sumber manusia dan Darurat Kedua (Undeclared War) memerangi komunis yang berakhir pada tahun 1989. Namun, dalam bajet pertahanan pada tahun 2022 berjumlah RM16.23 bilion, 70 peratus diperuntukkan untuk emolumen sementara 30 peratus diperuntukkan untuk operasi. Peruntukan operasi ini digunakan untuk membiayai program pemodenan MAF sejak 1990an, sistem-sistem berteknologi tinggi (generasi keempat) serta kos operasi dan penyelenggaraan yang tinggi dengan peruntukan bajet yang lebih rendah. Dalam kata lain, agihan peruntukan bajet untuk pertahanan lebih menumpu kepada emolumen berbanding operasi.

7.3 Keterbatasan untuk Menyelenggara Semua Aset Sedia Ada

Oleh sebab agihan peruntukan bajet pertahanan kepada operasi adalah rendah iaitu 30 peratus daripada RM16.23 bilion, terdapat kemungkinan besar bahawa aset-aset milik MAF tidak dapat diselenggara sepenuhnya seperti contoh-contoh berikut. Pertama, kos penyelenggaraan bagi perolehan terbaru A400m dari AIRBUS adalah lebih tinggi berbanding C130 yang lama. Kedua, kos penyelenggaraan F18 Hornet berjumlah RM48,000 sejam yang menghadkan keupayaan penyelenggaraan aset dari lapan dalam inventori kepada enam. Ketiga, kos penyelenggaraan Sukhoi berjumlah RM90,000 sejam yang mengehadkan keupayaan penyelenggaraan aset dari 18 dalam inventori kepada 10. Keempat, kos operasi setahun untuk kapal selam berjumlah RM1 bilion iaitu anggaran 50 peratus daripada keseluruhan bajet penyelenggaraan iaitu RM2.3 bilion. Kelima, aset-aset daratan/kereta kebal/kenderaan berperisai tidak dapat digunakan. Keenam, 40 peratus kapal-kapal dari semua agensi maritim tidak dapat diselenggara (AG Report 2019).

7.4 Perolehan Aset Baharu

Perolehan aset terkini ialah Unmanned Aerial Vehicle (UAV) atau dron tentera yang dianggarkan bernilai RM400 juta atau anggaran RM70,000 untuk setiap UAV. Aset baharu ini digunakan untuk menjalankan tugas pengawasan sempadan. Namun, aset baharu ini (IR4.0) masih tidak mempunyai data dari segi kos operasi, penyelenggaraan dan

infrastruktur digital. Meskipun aset nasional ini dikongsi dari segi data dan perkhidmatan dengan semua agensi, kos perolehan dan operasi masih diletakkan di bawah bajet pertahanan. Hal ini akan memberikan impak ke atas pengurusan aset-aset sedia ada di bawah MAF.

7.5 Pembangunan Industri Pertahanan

Kertas Putih Pertahanan (KPP) telah diluluskan oleh parlimen pada 2019. Antara tumpuan KPP ialah industri pertahanan termasuklah R&D untuk membangunkan produk-produk pertahanan yang dibangunkan oleh syarikat tempatan. Untuk berbuat demikian, kerajaan dicadangkan supaya meningkatkan bajet pertahanan melangkaui tren semasa satu peratus daripada KDNK.

7.6 Cadangan Bajet 2022 dari Perspektif Pertahanan

Pengurusan aset (penyelenggaraan dan operasi) adalah satu cabaran berdasarkan konsep bajet semasa 70:30 (Emolumen : Operasi). Bajet operasi yang rendah akan menjelaskan pertumbuhan industri pertahanan dan membawa kepada kemerosotan kemahiran penyelenggaraan dalam kalangan kekitangan MAF. Perolehan aset-aset baharu dan usaha menambahbaik keupayaan siber ini memenuhi keperluan IR4.0 namun ia akan terus memberikan kesan ke atas pengurusan dan kesediaan aset-aset sedia ada. Memandangkan pemodenan MAF telah bermula sejak 1990an, kebanyakan sistem adalah hampir usang dan memerlukan kos penyelenggaraan yang lebih tinggi. Justeru, peruntukan bajet pertahanan 1.5 peratus daripada KDNK adalah permulaan yang baik untuk memenuhi aspirasi KPP supaya ia setanding dengan kedudukan bajet pertahanan negara-negara jiran.

8. Pembangunan Alam Sekitar-Pemetaan Risiko Aliran Puing

Aliran Puing yang berlaku di Gunung Jerai boleh berlaku di banyak tempat terutama di kaki pergunungan di Banjaran Titiwangsa, Banjaran Crocker (Sabah) dan Banjaran Rajang (Sarawak). Untuk mengelakan/mengurangkan risiko bencana aliran puing di kawasan lain, satu program pemetaan Risiko Aliran Puing boleh dilaksanakan. Maklumat ini penting untuk rancangan guna tanah, kawalan bencana dan tindakan mengurangkan risiko bencana.